



POLISI PENGURUSAN SURAT SOKONGAN

Malis Bandaraya Miri

TUJUAN POLISI

- Memberi penerangan jelas kepada kakitangan MBM & pihak luar tentang pengurusan pengaruh luar dan surat sokongan.
- Memastikan penyampaian perkhidmatan MBM telus dan profesional tanpa campur tangan pihak berkepentingan.

SIAPA TERTAKLUK

Polisi ini terpakai kepada:

- Semua staf MBM (tetap, kontrak, sambilan, sangkut)
- Ahli Majlis
- Individu berpengaruh (contoh: ahli politik, orang kenamaan)
- Pihak ketiga (kontraktor, NGO, pembekal, rakan niaga)



APA ITU SURAT SOKONGAN ?

Apa-apa bentuk komunikasi (surat, memo, call, WhatsApp, emel, mesej, percakapan) yang sokong permohonan atau cuba pengaruhi keputusan.

APA ITU PENGARUH LUAR ?

Tekanan dari pemimpin politik, ahli majlis atau individu berpengaruh supaya keputusan dibuat ikut permintaan mereka.

APA YANG TIDAK BOLEH:



Membawa / cuba membawa pengaruh luar atau mengemukakan surat sokongan daripada Pemimpin Kerajaan, Ahli Majlis, atau Individu Berpengaruh.

Menggunakan pengaruh luar atau surat sokongan sebagai asas pertimbangan keputusan atau sebagai arahan.

PROSEDUR PENGURUSAN SURAT SOKONGAN

01.

Jika bertulis:
Simpan dalam fail rasmi

02.

Jika lisan:
Catat nama, masa, bentuk sokongan dalam fail minit

03.

Lapor segera kepada Ketua Jabatan

04.

Kalau tak boleh lapor ketua, terus lapor kepada pihak berkuasa

PEMIMPIN TAK BOLEH CAMPUR TANGAN

Kod Etika (Disember 2018):

Anggota Pentadbiran & Ahli Parlimen mesti elakkan percanggahan kepentingan antara jawatan awam & kepentingan peribadi.

MBM & Ahli Majlis hendaklah tidak menggunakan jawatan untuk memberi tekanan atau mengeluarkan surat sokongan bagi menyokong mana-mana permohonan / tuntutan kepada MBM.

PEMATUHAN & TINDAKAN TATATERTIB

Jika kakitangan MBM ingkar polisi:

Boleh dianggap ingkar perintah & tertakluk kepada tindakan tataterrib di bawah:

- Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996
- Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 1996
- Undang-undang / peraturan / pekeliling berkaitan.

Jika pihak ketiga langgar polisi:

Perkara akan dimaklumkan kepada SPRM, PDRM, atau pihak berkuasa berkenaan.

PERTANYAAN DAN PELAPORAN

UNIT INTEGRITI – MAJLIS BANDARAYA MIRI
JALAN BANDARAYA, MARINA PARKCITY
98000 MIRI, SARAWAK
(U.P: UNIT INTEGRITI)
EMEL: MCC.INTEGRITI@MIRICOUNCIL.GOV.MY

